

KERTAS CADANGAN  
LALUAN KERJAYA  
LULUSAN SISWAZAH EX-PPPLD DI  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

OLEH

URUSETIA  
KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT  
(KGMMB)

BERSAMA  
KONGRES KESATUAN GURU-GURU DALAM PERKHIDMATAN  
PELAJARAN MALAYSIA

DAN  
MAJLIS PEMUAFAKATAN KESATUAN DAN PERSATUAN GURU  
DALAM PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA

ISU 1

**Perlantikan Guru-Guru DG41 (EX-PPPLD) yang telah berkhidmat lebih 10 tahun di Gred DGA29 tidak berpeluang menikmati kenaikan pangkat di Gred DGA32/DGA34 (lantikan mulai tahun 1999).**

Memohon pertimbangan wajar Kementerian Pelajaran Malaysia menyemak semula peluang kenaikan pangkat guru-guru EX-PPPLD yang dilantik ke Gred DG41 dan telah berkhidmat lebih 10 tahun pada Gred DGA29 tidak berpeluang menikmati kenaikan pangkat ke gred DGA32/DGA34. Anggaran jumlah guru yang terlibat adalah seramai lebih kurang **14 000 (empat belas ribu)** orang.

ISU 2

**Tawaran lantikan Gred DG41 (EX-PPPLD) yang mengikuti Program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) – Graduasi pada Tahun 1999 – 2004 dilantik pada tarikh temuduga.**

Memohon pertimbangan wajar Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menyemak perlantikan guru-guru EX-PPPLD yang mengikuti Program Pengajian Jarak Jauh (Graduasi pada Tahun 1999 - 2004) yang dilantik lewat setahun atau dua tahun daripada tarikh temuduga. Anggaran jumlah guru yang terlibat dalam isu ini adalah seramai 3 000 (tiga ribu) orang.

### ISU 3

**Peluang kenaikan pangkat dikalangan guru-guru EX-PPPLD, yang dilantik ke DG41 mulai tahun 2000 di sekolah rendah.**

Memohon pertimbangan wajar Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memberi peluang dan memperluaskan lagi laluan kerjaya kenaikan pangkat daripada guru penolong kepada jawatan Guru Penolong Kanan (GPK) dan dari jawatan Guru Penolong Kanan kepada jawatan Guru Besar (GB) di sekolah-sekolah rendah susulan pelaksanaan Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah kepada guru-guru EX-PPPLD yang dilantik ke Gred DG41 mulai tahun 2000.

#### **TUJUAN**

Mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran Malaysia mengkaji dan menstruktur semula dasar pelantikan GPK dan GB di sekolah-sekolah rendah mulai tahun 2013 dan memberi laluan kerjaya kepada kumpulan guru ini.

#### **ASAS PERTIMBANGAN**

Untuk menjelaskan lagi senario yang dibincangkan ini, sila teliti perbandingan di bawah.

1. Pada ketika ini, jelas menunjukkan bahawa pelantikan guru-guru siswazah di sekolah rendah semakin ramai.
2. Terdapat sesetengah sekolah rendah, lebih ramai guru siswazah daripada guru-guru PPPLD.
3. Terdapat dikalangan guru-guru siswazah di sekolah rendah dan di sekolah menengah EX-PPPLD DG41 dan DG44 layak dicalonkan untuk menyandang jawatan GPK dan GB di sekolah rendah.

#### **GURU TERLIBAT**

Semua guru siswazah senior EX-PPPLD Gred DG41 dan Gred DG44 di sekolah rendah dan sekolah menengah layak untuk dicalonkan. Pada ketika ini, ada kalangan guru yang terlibat adalah guru-guru yang senior dan akan bersara dalam tempoh yang terdekat.

#### **SYOR**

Bagi makluman YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin, selaku Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia, keadaan ini telah menimbulkan rasa ketidakpuasan hati dan juga rasa kecewa di kalangan guru siswazah sehingga ke hari ini tentang peluang kenaikan pangkat mereka menjawat jawatan Guru Penolong Kanan atau Guru Besar.